

26 SEP 2003

Pembangunan

MORAL YANG LEBIH TINGGI PENTING UNTUK MENYOKONG PEMBANGUNAN AKAN DATANG

Oleh: Cik Rashidah Abd Ghani

KUALA LUMPUR: Kenangan rakyat Malaysia mengguna lampu gasolin dan berbasikal yang dilalui pada zaman sebelum Merdeka telah lama ditinggalkan sebelum satu kehidupan yang selesa dapat dinikmati sekarang ini.

Bagaimanapun, pembangunan yang dicapai dalam tempoh 46 tahun itu tidak datang bergolek begitu sahaja. Berkat usaha tanpa mengenal jerih daripada para pemimpin dan rakyat telah membuahkan satu pembangunan pesat, yang boleh dilihat dalam peningkatan jumlah eksport, import, jalan raya, pemilikan kenderaan, pendapatan dan seumpamanya.

Statistik ada menyatakan peningkatan jumlah sama ada dalam bentuk kesihatan, umur, bangunan, pekerjaan dan tabungan.

Apa pula yang dapat dirumuskan setelah jumlah eksport meningkat daripada RM3,204 juta pada 1968 kepada RM303,508 juta pada 2002?

Manakala terdapat hanya 183,184 kilometer jalan raya pada 1965 berbanding 1,034,976 kilometer pada 1999 dan jumlah itu terus meningkat.

Jumlah pemilikan kenderaan sendiri juga meningkat daripada 191,398 pada 1967 (tidak termasuk Sabah) menjadi lebih 4.5 juta pada 2001.

SASARAN PENDUDUK YANG RAMAI

Bagaimanapun, seperti saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sesebuah negara yang ingin mencapai kemajuan perlu mempunyai penduduk yang ramai untuk menjana pembangunan negara tanpa bergantung kepada pekerja asing.

Mengikut statistik Jabatan Perangkaan, jumlah penduduk Malaysia sebelum merdeka ialah kurang 7.5 juta berbanding 24.53 juta pada 2002.

Angka itu menunjukkan satu pertambahan yang memberangsangkan untuk mencapai wawasan menjadi negara maju menjelang 2020.

Pertambahan penduduk juga membolehkan negara melaksanakan segala bentuk pembangunan dengan mudah dan secara tidak langsung, membendung kebanjiran pekerja asing yang banyak menimbulkan masalah sosial.

Pengurangan pengambilan pekerja asing juga dapat mengawal pengaliran keluar wang negara.

LAMPU GASOLIN TINGGAL KENANGAN

Jika sebelum merdeka, kemudahan asas ketika itu ialah lampu gasolin, air dari perigi dan sungai serta jalan tanah merah. Kini semuanya tinggal kenangan.

Wargatua yang pernah melalui pahit getir menggunakan kemudahan asas dahulu, kini bersyukur dengan bekalan elektrik dan air serta infrastruktur yang mencukupi dan berkualiti.

Bekas Timbalan Menteri Pengangkutan, Datin Paduka Hajah Rahmah Osman ketika menyingkap kembali zaman sebelum menjadi wakil rakyat, berkata memang masa Tunku Abdul Rahman dan Tun Abdul Razak hingga sekarang banyak bezanya berbanding sebelum merdeka.

"Masih ingat ketika itu orang Melayu ada kelas dewasa, belum ada banyak akhbar, adapun itulah, Utusan Melayu. Nak tonton televisyen pun susah. Jadi nak dapat pengetahuan dan ilmu adalah sukar ketika itu", katanya.

"Tetapi sekarang, akhbar sudah banyak, televisyen hingga sebuah rumah ada lebih daripada satu set, anak-anak ke sekolah pakai telefon bimbit, memandu kereta dan menunggang motosikal sendiri atau naik LRT, komuter dan monorel," katanya lagi.

Tambah beliau, kini seseorang boleh merancang dan bergerak cepat untuk

ke satu-satu destinasi dengan adanya pelbagai kemudahan infrastruktur yang murah, tanpa perlu memikirkan kesesakan lalulintas lagi.

PELUANG MELANJUTKAN PELAJARAN MELUAS

Mengikut Buletin Tahunan Statistik Malaysia 1968-70, jumlah sekolah rendah dan menengah awam dan swasta pada 1967 ialah 7,396 buah manakala pada 2001 jumlahnya meningkat kepada 8,915 buah.

Malaysia Year Book 1971 pula menyebut hanya sebuah sahaja universiti pada 1967 iaitu Universiti Malaya berbanding 16 buah universiti awam dan swasta pada 2001.

Sehubungan itu, Rahmah berkata pembukaan banyak pusat pengajian tinggi awam dan swasta ini memberi peluang kepada ramai lepasan sekolah melanjutkan pelajaran tanpa perlu tergesa-gesa mendapatkan pekerjaan tanpa berbekalkan ilmu di dada.

"Sekolah juga tempat yang ideal untuk mendidik anak-anak generasi muda dengan disiplin dan akhlak yang mulia agar mereka tidak mudah terjebak dengan gejala sosial seperti penagihan dadah dan moral yang rendah," jelas beliau.

Beliau tidak menafikan masalah kemerosotan disiplin dan akhlak di kalangan anak-anak muda sekarang agak membimbangkan berbanding dahulu dan ini disebabkan oleh pengaruh unsur-unsur negatif yang dibawa dari luar.

Oleh itu, Rahmah mengesyorkan agar anak-anak muda sekarang ditekankan dengan pembelajaran agama sejak dari bangku sekolah sebagai benteng untuk membendung gejala sosial yang kian meningkat.

"Begitulah betapa berbezanya kehidupan antara dua zaman berkenaan, dan anak-anak muda sekarang patut mengenang jasa para pemimpin dan pejuang negara dengan mengutamakan perpaduan", katanya.

DASAR SOSIAL NEGARA

Dalam negara menikmati kemajuan ekonomi, pembangunan pesat dan peningkatan taraf hidup, ia tidak dapat lari daripada menghadapi pelbagai masalah.

Justeru, Dasar Sosial Negara dibentuk untuk menyeimbangkan antara pembangunan dan kemajuan sosial iaitu dengan mewujudkan sebuah masyarakat Malaysia yang maju dan mantap dari segi sosial, ekonomi dan teknologi.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi baru-baru ini berkata, "Dasar Sosial Negara ialah dasar pembangunan sosial yang berteraskan nilai-nilai murni dan peningkatan keupayaan insan bagi mencapai kesepaduan dan kestabilan sosial, ketahanan nasional dan kesejahteraan hidup masyarakat Malaysia yang maju dan mantap."

Saranan beliau disokong oleh Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, dengan menyebut baru-baru ini bahawa "Dasar Sosial Negara memberi panduan bagi pelaksanaan dan pengurusan pembangunan sosial supaya setanding dan seiring dengan pembangunan ekonomi untuk menghasilkan suatu kemajuan masyarakat yang mantap dan seimbang."

-- BERNAMA

CR RR